

03/09/2003

Lagu lama pembangkit semangat patriotik

SATU masa dulu, lagu yang membangkitkan semangat patriotik seperti Putera Puteri, Perajurit Tanah Air, Malaysia Tanah Airku, Perwira Berjaya, Bumi Malaysia, Jalur Gemilang dan Bahtera Merdeka sering berkumandang di udara baik melalui radio ataupun di televisyen lengkap dengan penyanyi dan latar belakang yang menarik. Ini diikuti pula dengan lagu negeri seperti keindahan dan daya tarikan Tanjung Puteri, Johor; masyarakat Minang di Negeri Sembilan dengan loghat dan lenggoknya selain lagu Kedah. Bagaimanapun, penyiaran lagu itu berhenti begitu saja digantikan dengan klip video lagu Barat dan sesetengah lagu dendangan artis tanah air yang popular.

Ramai mungkin menganggap semua lagu patriotik itu tidak lagi mampu menarik minat dan memainkan peranannya kerana selain penyanyi lama rentaknya juga sudah ketinggalan zaman sedang lagu negeri pula dikhuatiri menyemarakkan semangat kenegerian. Tetapi kini sedang kita mahu semangat patriotik rakyat tetap utuh malah menebal sejajar kecintaan kepada negara yang perlu dipupuk, kedudukan semua lagu itu sudah berubah. Ia amat penting untuk dialunkan dan dihayati oleh generasi muda sebagaimana kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Beliau mahu semua pihak, terutama syarikat rakaman dan stesen televisyen tempatan mengumpul semula lagu patriotik lama yang sebenarnya adalah warisan khazanah bangsa. Abdullah juga mahu lagu berkenaan diselitkan semula dalam rancangan televisyen.

Jelas bahawa apabila kebanyakan lagu lama itu khususnya yang mempunyai tema Hari Kebangsaan tidak diperdengarkan lagi maka generasi muda bukan saja tidak tahu mengenainya tetapi sukar meminatinya. Namun sebenarnya lagu lama itu mempunyai irama dan lirik yang baik. Sejajar inilah usaha Persatuan Bekas Pelajar MRSM Malaysia (Ansara) dan Prime Muzik Sdn Bhd menerbitkan album Suara Merdeka harus dipuji. Lebih penting lagi 10 lagu dimuat dalam album itu dinyanyikan semula oleh penyanyi tempatan seperti Camelia, Nora, Hattan, Roy, Fauziah Latiff dan Aris Ariwatan yang menjadi pujaan generasi muda hari ini.

Penampilan selebriti tempatan adalah jalan tepat bagi memastikan usaha menghidup dan menyuburkan lagi semangat cintakan negara itu mencapai matlamatnya. Langkah untuk mengetengahkan semula pusaka bangsa bagi dihayati bertepatan dengan kesungguhan rakyat termasuk generasi muda memperingati sambutan Hari Kemerdekaan, Ahad lalu. Malah ia disifatkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai sambutan yang luar biasa dengan pembabitan golongan muda yang sungguh baik, lebih bersemangat dan bersatu padu.